

**Pk. P.U. 27 (18 Jun 1992)**

**Undang-Undang Kecil Kawalan  
Dan Penyeliaan Kolam Renang  
(MDM) 1992.  
(AKTA 171)**

# 19

Undang-Undang Kecil  
Kecil Kawalan Dan  
Penyeliaan Kolam Renang  
(MDM) 1992  
(AKTA 171)



17

NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 45  
Bii. 13

18hb Jun 1992

TAMBAHAN No. 12  
PERUNDANGAN

Pk. P.U. 27.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL KAWALAN DAN PENYELIAAN  
KOLAM RENANG (MAJLIS DAERAH MANJUNG) 1992

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Akta 171.  
Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Manjung membuat dan  
menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri  
mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang** Nama.  
**Kecil Kawalan dan Penyeliaan Kolam Renang (Majlis Daerah**  
**Manjung) 1992.**
2. Undang-undang ini tidak terpakai kepada mana-mana kolam Pemakaian.  
renang yang dipunyai atau diuruskan oleh atau bagi pihak Majlis  
atau Kerajaan.
3. (1) Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya Tafsiran.  
menghendaki makna yang lain—

“kolam renang” atau “kolam” ertinya mana-mana kolam yang  
dibina untuk digunakan bagi maksud berenang atau mandi yang  
boleh dimasuki oleh orang ramai (sama ada dengan bayaran atau  
sebaliknya) atau yang dijalankan oleh mana-mana orang  
perseorangan, kelab, institusi, persatuan, firma, syarikat atau lain-  
lain organisasi;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Manjung;

“penyakit berjangkit” termasuk amoebiasis, cerebrospinal meningitis, taun, difteria, buang air darah, demam kepialu, gastroenteritis, radang kerongkong yang teruk, hepatitis berjangkit, kusta, sebarang bentuk jangkitan tinea, batuk kering, polio, pediculosis, kudis, demam merah, cacar, cacar air, campak, apa-apa penyakit kelamin atau sebarang penyakit kulit, trachoma, conjunctivitis yang teruk atau apa-apa penyakit lain yang Majlis boleh, dari masa ke semasa, melalui pemberitahu dalam *Warta* mengisytiharkan sebagai penyakit berjangkit untuk tujuan undang-undang kecil ini.

Larangan kolam renang tidak berlesen, dll.

4. (1) Kecuali di bawah dan menurut lesen yang diberi oleh Majlis, tiada siapa pun boleh mengadakan atau menyenggara kolam renang.

(2) Tiada siapa pun boleh mengambil apa-apa bahagian dalam pengurusan kolam renang yang penubuhan atau penyenggaraannya tidak dilesenkan.

Permohonan lesen.

5. (1) Setiap permohonan untuk sesuatu lesen hendaklah dibuat dengan bertulis, dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis, dan hendaklah disertai dengan tiga salinan pelan, seboleh-bolehnya menurut skil, kolam renang itu dan seluruh kawasannya, dan pelan itu hendaklah termasuk butir-butir yang berikut—

- (a) saiz dan bentuk kolam itu;
- (b) dalam air di semua bahagian kolam itu;
- (c) kedudukan dan saiz semua saluran kotoran;
- (d) semua liang saliran dan kemasukan;
- (e) kedudukan loji penapis atau pembersih;
- (f) kedudukan tangga kekal menuju ke dalam kolam itu atau tempat pegang tangan atau pemasangan yang seumpamanya yang kekal keadaannya yang disediakan untuk kegunaan orang yang mandi;
- (g) kedudukan, tinggi dan jenis papan terjun, pelongsor, bualan atau pemasangan yang seumpamanya yang kekal keadaannya yang disediakan untuk orang yang mandi;
- (h) susunatur sebarang tempat berjalan atau kawasan lapang di sekeliling atau berhampiran kolam itu, berserta dengan jalan masuk dan keluar dari kawasan berhampiran kolam tersebut;
- (i) susunatur bilik persalinan, bilik basuh, pancuran, tempat basuh kaki, tandas, kantin, gerai atau lain-lain binaan tambahan kepada kolam renang itu; dan
- (j) setiap bahagian sistem saliran.

(2) Setiap pelan yang dikemukakan untuk kelulusan menurut peruntukan perenggan (1) hendaklah disertakan dengan satu

kenyataan bertulis yang mengisytiharkan—

- (a) sumber air untuk mengisi kolam itu;
- (b) jenis dan keupayaan mana-mana loji penapis dan pembersih yang disediakan; dan
- (c) bahan yang digunakan untuk menurap permukaan dalam kolam itu dan sebarang laluan tepi atau ruang tempat berdiri berhampiran pinggir kolam tersebut.

(3) Setiap pelan, tau sebarang ubahsuaian, yang diluluskan oleh Majlis hendaklah dicatatkan sedemikian oleh Yang Dipertua Majlis, dan satu salinan hendaklah dikembalikan kepada pemohon dan dua salinan selebihnya disimpan oleh Majlis.

6. (1) Tiada lesen boleh diberi kecuali Majlis berpuas hati berhubung dengan kolam renang itu yang permohonan untuk lesennya dibuat, dan berhubung dengan premis yang bersangkutan dengan kolam renang itu, bahawa—

Syarat-syarat  
pengeluaran  
lesen.

- (a) pelan yang dimaksudkan dalam Undang-Undang Kecil 5 telah diluluskan oleh Majlis dan kolam renang itu bersesuaian dengan pelan tersebut;
- (b) sumber air untuk mengisi kolam itu adalah sesuai;
- (c) permukaan kolam di bawah air adalah dibuat daripada bahan yang kalis air dan dilicinkan secukupnya bagi mencegah kotoran daripada berlonggok dengan tidak sewajarnya;
- (d) setiap siku antara permukaan mendatar dan permukaan menegak di dalam kolam renang itu adalah dibundarkan;
- (e) kolam itu dipasang dengan saluran air kotor yang bersesuaian saiznya dan saluran yang mencukupi;
- (f) laluan tepi tidak kurang daripada 1.2 meter lebar dan diturap atau ditutupi dengan bahan yang sesuai yang tidak menggelincirkan, adalah disediakan di sekeliling sisi kolam itu, dan laluan tepi itu adalah dibina dengan kecerunannya, jauh sedikit dari pinggir kolam dan dialurkan ke dalam saluran yang dibina mengikut kecerunannya itu;
- (g) semua bahagian lantai mana mana bilik persalinan atau mana-mana bilik yang mengandungi apa-apa pancuran, tempat mandi, tempat basuh kaki atau tandas adalah mudah dimasuki untuk dibersihkan dan adalah diturap dengan bahan yang kalis air dan sikunya dengan sebarang dinding dibundarkan;
- (h) tidak kurang daripada sebuah tandas disediakan bagi setiap dua puluh lima orang yang boleh ditampungkan dalam kolam itu dan tidak kurang daripada sebuah tempat

buang air kecil, dilengkapi dengan pengadang disediakan untuk setiap lima puluh orang:

- (i) kolam itu adalah dilengkapi dengan loji penapis atau pembersih, atau lain-lain cara membersihkan air di dalamnya, yang boleh mengekalkan kebersihan air itu sepanjang masa kepada piawai yang tidak kurang dari ketiadaan E. Coli dalam seratus sentimeter padu air; dan
- (j) sekiranya pencahayaan elektrik bawah air disediakan—
  - (i) semua lampu bawah air dibekal dengan voltan tidak melebihi dua puluh lima;
  - (ii) bekalan voltan rendah seperti itu adalah diberi oleh transformer lilitan ganda dalam tabung logam tanah dengan titik tengah lilitan voltan rendah diletak dalam tanah dan transformer itu ditempatkan dengan jarak yang selamat dari kolam dan tidak boleh dimasuklalu oleh orang-orang yang mandi; dan
  - (iii) semua pendawaian dari transformer ke lampu bawah air dibawa dalam conduit galvani berskru atau kebel bertutup tembaga bertebat logam.

(2) Untuk maksud perenggan kecil (h) perenggan (1), bilangan orang yang boleh ditampungkan dalam mana-mana kolam renang hendaklah berdasarkan keupayaan maksimum kolam itu dan ditentukan dengan kadar satu orang bagi setiap 2.79 meter persegi permukaan air kolam itu.

7. Selepas diberi atau dibaharui sesuatu lesen, tiada pemegang lesen boleh melainkan dengan kebenaran bertulis dari Majlis, menyebabkan atau membenarkan dibuat berkaitan dengan kolam renang itu—

- (a) apa-apa pindaan atau tambahan yang mengakibatkan penyimpangan besar daripada pelan yang diluluskan di bawah Undang-Undang Kecil 5; atau
- (b) apa-apa pindaan berkenaan apa-apa perkara yang dimaksudkan dalam Undang-Undang Kecil 6.

8. Tiada siapa pun boleh meletak, atau membenarkan diletak, apa-apa perkakas elektrik, pemasangan atau pendawaian dalam keadaan yang mungkin—

- (a) bersentuhan dengan air dalam mana-mana kolam renang; atau
- (b) boleh diakses oleh mana-mana orang yang mandi dalam mana-mana kolam renang atau yang berdiri atas mana-mana bahagian laluan tepi yang mengelilingi mana-mana kolam renang atau atas mana-mana papan terjun, pelongsor atau lain-lain binaan yang digunakan oleh mereka yang mandi.

Sekatan terhadap pindaan setelah lesen diberi.

Langkah keselamatan berhubung dengan perkakas elektrik.

9. Setiap pemegang lesen kolam renang hendaklah, di sepanjang mana kolam renang itu digunakan oleh orang-orang yang mandi, menyebabkan air dalam kolam itu ditukar kesemuanya secara edaran melalui sistem penapis, atau secara membaharui dari sumber— Pertukaran air.
- (a) jika kolam bertutup, tidak kurang dari sekali dalam setiap empat jam; dan
  - (b) jika kolam terbuka, tidak kurang dari sekali dalam setiap enam jam.
10. Setiap pemegang lesen kolam renang hendaklah menjaga air dalam kolam itu sepanjang masa menurut piawai— Mutu air.
- (a) kebersihan, tidak kurang dari ketiadaan E. Coli dalam seratus sentimeter padu air; dan
  - (b) kejernihan, iaitu benda yang hitam dan putih tidak kurang dari saiz 100 milimeter persegi, atau jika benda itu bulat, 100 milimeter garispusat, yang diletakkan di bawah kolam renang itu di tempat yang paling dalam, boleh kelihatan dengan jelas dari permukaan air; dan
  - (c) kepekatan hydrogen-ion, tidak lebih daripada pH. 7.0.
11. Setiap pemegang lesen kolam renang hendaklah menyebabkan kolam itu dikosongkan airnya dan mencuci sebersihnya tidak kurang dari sekali dalam setiap 6 bulan dan pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Majlis melalui notis bertulis yang disampaikan kepada pemegang lesen. Mengosong dan membersihkan kolam renang.
12. Setiap pemegang lesen kolam renang hendaklah menyebabkan kehadiran di kolam itu, pada setiap masa sepanjang kolam itu dibuka kepada orang-orang yang mandi, tidak kurang daripada seorang atendan penyelamat nyawa yang memiliki surat akuan kelayakan yang sah dalam perkara menyelamat nyawa dan pertolongan cemas yang dikeluarkan oleh sesuatu persatuan yang diluluskan oleh Majlis: Atendan penyelamat nyawa dan pertolongan cemas.
- Dengan syarat bahawa Majlis boleh, di atas permohonan, mengubahsuai atau mengeneppikan semua atau mana-mana kehendak undang-undang kecil ini dalam sebarang kes tertentu.
13. (1) Setiap pemegang lesen kolam renang hendaklah menyebabkan kolam, semua mesin, perkakas dan pemasangan tambahan kepadanya, semua laluan tepi atau tanah lapang mengelilingi kolam itu dan semua tempat persalinan, pancuran, tempat mandi, tempat basuh atau tandas yang disediakan di situ, hendaklah sentiasa dijaga dalam keadaan baik, bersih dan bebas daripada benda-benda yang kotor. Pembaikan umum dan pembersihan kolam, perkakas, dan premis.
- (2) Jika pada pendapat Majlis, mana-mana kolam renang telah menjadi, atau mungkin menjadi, mudarat kepada kesihatan disebabkan cacat dari segi binaan atau perlu diperbaiki atau oleh sebab kerosakan loji penapis atau pembersih, Majlis boleh menye-

babkan notis bertulis diserahkan kepada pemegang lesen menghendaknya—

- (a) menjalankan, dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis, kerja yang diperlukan untuk menghapuskan risiko bahaya yang memudaratkan kesihatan; dan
- (b) jika pada pendapat Majlis perlu, menutup kolam renang itu sehingga kerja itu telah dijalankan dengan memuaskannya Majlis.

Larangan  
berludah.

14. (1) Tiada siapa pun boleh berludah dalam mana-mana kolam renang atau di atas mana-mana bahagian premis yang berkaitan dengannya kecuali ke dalam longkang atau tandas atau tempat berludah atau lain-lain bekas yang disediakan untuk tujuan itu.

(2) Jika tempat berludah atau bekas disediakan, pemegang lesen kolam itu hendaklah menyebabkan tiap-tiap tempat berludah atau bekas itu berisi bendalir pencegah kuman, dan dibersihkan dan bendalir itu dibaharui, tidak kurang dari sekali dalam setiap dua puluh empat jam.

(3) Kecuali sebaliknya dibenarkan secara bertulis oleh Majlis, setiap pemegang lesen kolam renang hendaklah menyebabkan satu atau lebih notis melarang berludah yang ditulis dalam Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil, dipamerkan berterusan di tempat-tempat yang mudah dilihat berhampiran kolam itu dan di dalam atau berhampiran mana-mana bilik persalinan.

Larangan  
kepada  
orang yang  
mengidap  
penyakit  
tertentu.

15. (1) Tiada siapa pun boleh memasuki mana-mana kolam renang pada hal mengetahui ia mengidap apa-apa penyakit menular atau berjangkit.

(2) Kecuali sebaliknya dibenarkan secara bertulis oleh Majlis, setiap pemegang lesen kolam renang hendaklah menyebabkan peruntukan perenggan (1) dipamerkan berterusan dalam bentuk notis yang ditulis dalam Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil di tempat yang mudah dilihat berhampiran kolam itu.

Pencerakinan  
air kolam  
renang.

16. Air dari kolam renang itu hendaklah selalu dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan, Jabatan Kimia, atau lain-lain institut yang diluluskan oleh Kerajaan, untuk pencerakinan kuman dan kimia. Satu salinan laporan itu hendaklah dihantar kepada Majlis sebagaimana berikut—

- (a) Pencerakinan kuman—sekali setiap bulan;
- (b) Pencerakinan kimia—sekali setiap 3 bulan;

atau pada bila-bila masa yang diarah oleh Majlis.

Bayaran.

17. (1) Setiap lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibaharui setiap tahun pada 1hb Januari.



(2) Pemberian atau pembaharuan mana-mana lesen hendaklah tertakluk kepada pembayaran terlebih dahulu kepada Majlis satu bayaran sebanyak dua ratus empat puluh ringgit setahun:

Dengan syarat bahawa tiada bayaran kena dibayar bagi kolam renang di sekolah-sekolah atau kelab-kelab sukan.

(3) Jika Majlis berpuas hati bahawa mana-mana lesen telah hilang atau binasa, Majlis boleh setelah dibayar bayaran sepuluh ringgit, mengeluarkan salinan pendua lesen tersebut.

18. Sesiapa yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya, dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan. Penalti.

Diperbuat pada 4hb Mei 1991.  
[MDM U/1/1/15; P.U. Pk. 59/72.]

ABDUL SAMAT BIN HAJI SABRI,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Daerah Manjung*

Disahkan pada 8hb Januari 1992.  
[PSUK. Pk. (KT-AM) 30/14/10/2.]

MUHAMMAD PADZIL BIN KHALID,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak*

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

(Act 171)

### CONTROL AND SUPERVISION OF SWIMMING POOLS (MANJUNG DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 1992

In exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976, the Manjung District Council makes, and in pursuant to section 103 of the aforesaid Act, the State Authority confirms the following by-laws: Act 171.

1. These by-laws may be cited as the **Control and Supervision of Swimming Pools (Manjung District Council) By-Laws 1992.** Citation.
2. These by-laws shall not apply to any swimming pool owned or managed by or on behalf of the Council or the Government. Application.
3. (1) In these by-laws, unless the context otherwise requires— Inter-pretation.  
 "communicable disease" includes amoebiasis, cerebrospinal meningitis, cholera, diphtheria, dysentery, typhoid fever, gastroenteritis, acute inflammation of the throat, infectious hepatitis,

leprosy, any form of tinea infection, tuberculosis, poliomyelitis, pediculosis, scabies, scarlet fever, smallpox, chickenpox, measles, any venereal disease or any generalised skin infection, trachoma, acute conjunctivitis or any other disease which the Council may, from time to time, by notification in the *Gazette* declare to be a communicable disease for the purpose of these by-laws;

“Council” means the Manjung District Council;

“swimming pool” and “pool” means any artificially constructed pool used for swimming or bathing and to which the public have access (whether on payment or otherwise) or which is operated by any individual, club, institution, association, firm, company or other organisation.

Prohibition  
of unlicensed  
swimming pools,  
etc.

4. (1) Save under and in accordance with a licence granted by the Council, no person shall establish or maintain a swimming pool.

(2) No person shall take any part in the management of a swimming pool the establishment or maintenance of which has not been licensed.

Application  
for licence.

5. (1) Every application for a licence shall be made in writing, addressed to the President of the Council, and shall be accompanied by three copies of a plan, as nearly as may be to scale, of the swimming pool and the whole of the precincts thereof, and such plan shall include the following particulars—

- (a) the size and design of the pool;
- (b) the depth of water in all parts of the pool;
- (c) the position and size of all scum gutters;
- (d) all drainage and intake vents;
- (e) the position of any filtration or purification plant;
- (f) the position of any permanent steps or ladders leading into the pool or any hand rails or like fittings of a permanent nature provided for the use of bathers;
- (g) the position, height and type of any diving boards, chutes, rings or like fittings of a permanent nature provided for the use of bathers;
- (h) the layout of any paths or open spaces surrounding or adjacent to the pool, together with the means of entry to and exit from the immediate precincts of the pool;
- (i) the layout of any dressing rooms, wash rooms, showers, foot baths, latrines, canteens, stalls or other structures ancillary to the swimming pool; and
- (j) every part of the drainage system.

b/c

(2) Every plan submitted for approval pursuant to the provision of paragraph (1) shall be accompanied by a statement in writing declaring—

- (a) the source of the water with which the pool will be filled;
- (d) the type and capacity of any filtration or purification plant which is provided; and
- (c) the material used for surfacing the internal surfaces of the pool and any sidewalk or standing space immediately adjoining the rim of the pool.

(3) Every plan, or any modification thereof, which is approved by the Council shall be endorsed to that effect by the President of the Council, and one copy shall be returned to the applicant and the remaining two copies shall be retained by the Council.

6. (1) No licence shall be granted unless the Council is satisfied in relation to the swimming pool in respect of which the application for such a licence was made, and in relation to the premises pertaining to such swimming pool, that—

Condition for  
issue of  
licence.

- (a) the plan referred to in By-Law 5 has been approved by the Council and the swimming pool confirms thereto;
- (b) the source of the water with which the pool will be filled is suitable;
- (c) the underwater surface of the pool are made of impervious material and sufficiently smoothed to prevent undue accumulation of dirt;
- (d) every junction between a horizontal surface and a vertical surface inside the swimming pool is coved;
- (e) the pool is fitted with scum gutters of suitable size and adequate drainage;
- (f) sidewalks, not less than 1.2 metres in width and paved or covered with suitable non-slip material, are provided on all sides of the pool, and such sidewalks are laid with falls, away from the edge of the pool and drained to channels laid to falls;
- (g) all parts of the floor of any dressing room or any room containing any shower, bath, footbath or latrine are readily accessible for cleaning and are surfaced with impervious material and coved at their junction with any wall;
- (h) not less than one water-closet is provided for every twentyfive persons who may be accommodated in the pool and not less than one urinal, fitted with splash plate, is provided for every fifty such persons;

- (i) the pool is provided with filtration or purification plant, or other means of purifying the water therein, capable of maintaining the purity of such water at all times to a standard not less than *E. coli* absent in one hundred cubic centimetres of water; and
- (j) where underwater electric lighting is provided—
  - (i) All underwater lights are supplied at a voltage not exceeding twenty-five;
  - (ii) such low voltage supply is given by a double wound transformer in an earthed metal casing with the centre point of the low voltage winding earthed and the transformer located at a safe distance from the pool and completely inaccessible to bathers; and
  - (iii) all wiring from the transformer to the underwater lights is carried out in screwed galvanized conduit or mineral insulated copper covered cable.

(2) For the purpose of subparagraph (h) of paragraph (1), the number or persons who may be accommodated in any swimming pool shall be based on the maximum capacity of the pool and determined at the rate of one person for every 2.79 square metres of the water surface of the pool.

Restriction on alterations after grant of a licence.

7. After the grant or renewal of any licence, no licensee shall, save with the permission in writing of the Council, cause or permit to be made in respect of the swimming pool—

- (a) any alteration or addition which would result in a material deviation from the plan approved under By-Law 5; or
- (b) any alteration in respect of any matter referred to in By-Law 6.

Safety precautions relating to electrical equipment.

8. No person shall place, or permit to be placed, any electrical equipment, fitting or wiring in such a position that it is likely to—

- (a) come into contact with the water in any swimming pool; or
- (b) be accessible to any person bathing in any swimming pool or standing on any part of the sidewalk surrounding any swimming pool or on any diving board, chute or other like structure used by bathers.

Changing of water.

9. Every licensee of a swimming pool shall, at all times during which the swimming pool is in use by bathers, cause the water therein to be completely changed by circulation through a filtration system or by renewal from source—

- (a) in the case of covered pool, not less than once in every four hours; and
- (b) in the case of an open air pool, not less than once in every six hours.
10. Every licensee of a swimming pool shall cause the water therein to be maintained at all times to a standard— Quality of water.
- (a) of purity, not less than E. Coli absent in one hundred cubic centimetres of water; and
- (b) of clarity, such that a black and white object not less in size than 100 millimetres square, or if object is round, 100 millimetres in diameter, placed on the bottom of the swimming pool at the deepest point is clearly visible from the surface of the water; and
- (c) of hydrogen-ion concentration, not greater than pH. 7.0.
11. Every licensee of a swimming pool shall cause the pool to be emptied of water and thoroughly cleaned not less than once in every 6 months and at such other times as the Council may require by notice in writing served upon the licensee. Emptying and cleaning of swimming pools.
12. Every licensee of a swimming pool shall cause to be in attendance at the pool, at all times during which such pool is open to bathers, not less than one life saving attendant possessing valid certificate of competency in life saving and first aid issued by an association approved by the Council. Life saving and first aid attendants.
- Provided that the Council may, upon application, modify or waive all or any of the requirements of this by-law in any particular case.
13. (1) Every licensee of a swimming pool shall cause the pool, all machinery, equipment and fittings ancillary thereto, all side-walks or open spaces surrounding the same and all dressing, shower, bathing, washing or latrine accommodation provided thereat to be at all times, maintained in proper repair, in a clean condition and free from noxious matter. General repair and cleanliness of pool, equipment and premises.
- (2) If, in the opinion of the Council, any swimming pool has become, or is likely to become, injurious to health by reason of any structural defect or want of repair or by reason of defective filtration or purification plant, the Council may cause a notice in writing to be served upon the licensee thereof requiring him—
- (a) to carry out, within such time as may be specified in the notice, such work as may be necessary to remove the risk of injury to health; and

(b) if it appears to the Council to be necessary, to close such swimming pool until such work has been carried out to its satisfaction.

Prevention of spitting.

14. (1) No person shall spit in any swimming pool or on any part of the premises pertaining thereto, except into a drain or latrine or into a spittoon or other receptacle provided for that purpose.

(2) Where spittoons or receptacles are provided, the licensee of the swimming pool shall cause each spittoon or receptacle to contain a disinfectant fluid, and to be cleaned and the fluid renewed, not less than once in every twentyfour hours.

(3) Save as otherwise permitted in writing by the Council, every licensee of a swimming pool shall cause one or more notices, prohibiting spitting and written in Malay, English, Chinese and Tamil, to be continuously displayed in a conspicuous place near the pool and in or near any changing room.

Exclusion of persons suffering from certain disease.

15. (1) No person shall enter any swimming pool while knowing by suffering from any contagious or communicable disease.

(2) Save as otherwise permitted in writing by the Council, every licensee of a swimming pool shall cause the provisions of paragraph (1) to be continuously displayed in the form of a notice written in Malay, English, Chinese and Tamil, in a conspicuous place near the pool.

Analysis of swimming pool water.

16. Water from the swimming pool should be sent regularly to the Institute of Medical Research, Chemistry Department, or other Government approved institution, for bacteriological and chemical analysis. A copy of the report should be sent to the Council as follows—

(a) Bacteriological analysis—one every month;

(b) Chemical analysis—once every 3 months;

or whenever directed by the Council.

Fees.

17. (1) Every licence issued under these by-laws shall be renewable annually on the 1st day of January.

(2) The grant or renewal of any such licence shall be subject to the payment in advance to the Council of a fee of two hundred and forty ringgit per annum:

Provided that no fee shall be payable in respect of swimming pools in schools or sports clubs.

(3) Where the Council is satisfied that any such licence has been lost or destroyed, the Council may upon payment of a fee of ten ringgit issue a duplicate thereof.

18. Any person who contravenes any of the provisions of these by-laws shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding one year or to both such fine and imprisonment and to a further fine not exceeding two hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction. Penalties.

Made this 4th day of May 1992.  
[MDM U/1/1/15, PU. Pk. 59/72.]

ABDUL SAMAT BIN HAJI SABRI,  
*President,*  
*Manjung District Council*

Confirmed this 8th day of January 1992.  
[PSUK. Pk. (KT-AM) 30/14/10/2.]

MUHAMMAD PADZIL BIN KHALID,  
*Secretary,*  
*State Executive Council Perak*

Pk. P.U. 28.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU  
(MAJLIS DAERAH HILIR PERAK) 1992

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Hilir Perak dengan ini membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut: Akta 171.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Daerah Hilir Perak) 1992** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Hilir Perak sahaja. Nama dan pemakaian.

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“haiwan” termasuklah kuda, lembu, sapi, kerbau, kambing, kambing biri-biri, kinzir, arnab, gajah dan binatang ternakan yang mana termasuklah ayam, itik, ayam belanda, angsa dan burung;

“kandang haiwan” ertinya sesuatu bangunan yang digunakan atau dicadang untuk digunakan bagi maksud memelihara haiwan;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Hilir Perak;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang diberi lesen di bawah undang-undang kecil ini;